



BAHASA MELAYU (PROGRAM KHAS) SUKATAN PELAJARAN 2015 SEKOLAH MENENGAH

Perlaksanaan bermula dengan
kohort Menengah 1 tahun 2015



Ministry of Education
SINGAPORE

© Copyright 2014 Curriculum Planning and Development Division. This publication is not for sale. All rights reserved. No part of this publication may be reproduced without the prior permission of the Ministry of Education Singapore.



BAHAGIAN 1

1.1 PENDAHULUAN

1.2 FALSAFAH PENDIDIKAN

1.3 HASIL PENDIDIKAN YANG DIINGINI

1.4 MATLAMAT PROGRAM BAHASA MELAYU (PROGRAM KHAS)

1.5 OBJEKTIF PROGRAM BAHASA MELAYU (PROGRAM KHAS)

BAHAGIAN 2

2.1 KEMAHIRAN BAHASA

2.2 HASIL PEMBELAJARAN

2.3 PENGISIAN KURIKULUM

BAHAGIAN 3

3.1 PRINSIP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA

3.2 STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

3.3 PERANCANGAN PROGRAM DAN PENGAJARAN

BAHAGIAN 4

4.1 PENILAIAN

LAMPIRAN


A. HASIL PEMBELAJARAN (LAMPIRAN A)

B. DAFTAR TATABAHASA (LAMPIRAN B)

C. DAFTAR PERIBAHASA (LAMPIRAN C)

D. ICT DAN KESEJAHTERAAN SIBER (LAMPIRAN D)

E. CONTOH ALAT PENILAIAN (LAMPIRAN E)



BAHAGIAN 1

1.1 PENDAHULUAN

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) dibina untuk memenuhi hasrat para pelajar yang ingin mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa ketiga di peringkat sekolah menengah. Hal ini sejajar dengan dasar pendidikan di Singapura yang memberikan peluang kepada setiap pelajar yang mampu mempelajari lebih daripada satu bahasa. Penguasaan dalam bahasa Melayu juga membolehkan para pelajar memanfaatkan peluang di rantau yang berkembang pesat ini dan menjalin hubungan dengan masyarakat lain di Asia serta dapat mengambil bahagian dalam ekonomi global secara aktif.

Sukatan pelajaran ini merupakan dokumen yang memperincikan matlamat Bahasa Melayu (Program Khas) yang mendukung falsafah pendidikan dan juga hasil pendidikan yang diingini. Fokus utama program ini adalah untuk mengupayakan para pelajar menggunakan bahasa Melayu secara lisan dan tulisan secara fungsional dalam pelbagai situasi, khalayak dan bagi pelbagai tujuan. Untuk membantu pelajar membina kecekapan berbahasa, sukatan pelajaran ini disusun berdasarkan penggunaannya dalam konteks yang berlatarbelakangkan keadaan hidup sebenar dan dalam lingkungan pengetahuan dan pengalaman pelajar. Pelajar bukan sahaja diberi peluang menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis bahkan juga kemahiran interaksi lisan dan interaksi penulisan. Pemerolehan kemahiran-kemahiran ini boleh dicapai kerana pembelajaran akan lebih berkesan sekiranya pelajar diajar dan diberi peluang menggunakan bahasa secara aktif dan interaktif dalam pelbagai latar kehidupan harian.

Untuk memandu pengajaran dan pembelajaran, hasil pembelajaran dibina berdasarkan kemahiran-kemahiran bahasa. Hasil pembelajaran ini menyatakan jangkaan kemahiran yang boleh dikuasai oleh para pelajar pada pelbagai peringkat pembelajaran dengan jelas. Selain itu, hasil pembelajaran ini membantu para guru mencapai hasilan yang boleh diukur untuk mengetahui tahap kemajuan para pelajar. Hasil pembelajaran ini dinyatakan dengan jelas di peringkat utama pembelajaran, iaitu pada akhir Menengah 2 dan Menengah 4.

Melalui pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas), para pelajar juga berpeluang mengetahui nilai dan budaya masyarakat Melayu. Hal ini diharap akan menimbulkan rasa kepekaan dan tolak-ansur serta kerjasama dalam kalangan pelajar khususnya dalam kehidupan harian mereka. Untuk menyediakan para pelajar menghadapi arus globalisasi, para pelajar dibekalkan dengan kemahiran abad ke-21, iaitu kemahiran informasi, kolaborasi dan komunikasi, berfikir secara kritis dan inventif dan literasi sivik, kesedaran global serta kemahiran rentas budaya.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) ini diharap agar dapat memenuhi keperluan para guru menyediakan dan menjalankan pengajaran dengan berkesan berdasarkan matlamat pembelajaran yang ditetapkan. Selain itu, pada akhir pembelajaran, kecekapan para pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu yang mengambil Bahasa Melayu (Program Khas) dapat dibina dan dikembangkan agar mereka berupaya menggunakan bahasa Melayu dengan betul.



1.2 FALSAFAH PENDIDIKAN

Pendidikan di Singapura mempunyai dua tujuan, iaitu membina sikap pelajar dan menyediakannya menjadi warganegara yang baik serta bersedia untuk alam pekerjaan. Pendidikan merupakan satu proses yang membentuk pelajar menjadi insan yang sebaik mungkin secara keseluruhan. Melalui pendidikan, pelajar dibentuk dari segi moral, intelektual, fizikal, sosial, emosi dan estetika. Pelajar juga akan belajar menjadi seorang yang penyayang dan bertanggungjawab terhadap keluarga dan masyarakat serta memahami dan memainkan peranan dalam memberikan sumbangan kepada masa depan Singapura.

1.2.1 Tujuan Persekolahan

Sekolah merupakan institusi pembelajaran. Dengan kerjasama keluarga, sekolah membolehkan pelajar mengenali diri dahulu, kekuatan dan pelbagai aspek pertumbuhan diri. Sekolah memberikan asas-asas kukuh pembelajaran untuk menyediakan pelajar ke tahap pendidikan selanjutnya. Pada masa yang sama, pelajar dilengkapi dengan kecekapan-kecekapan yang membolehkannya maju dalam dunia yang kompetitif. Kecekapan-kecekapan ini termasuklah kebolehan melahirkan pendapat dengan yakin, berfikiran kritis, bekerja dalam kumpulan, dan berinovatif serta berdaya usaha.

1.2.2 Mengasuh Pelajar

Pelajar merupakan tumpuan segala usaha pengajaran dan pembelajaran. Tanggapan kita tentang pelajar dan cara dia belajar memandu kita untuk membantunya menjadi insan yang terbaik.

- Setiap anak mempunyai nilai intrinsik; berperibadi dengan fikiran dan tanggapan sendiri. Kesabaran dan kegigihan diperlukan untuk mengasuh anak-anak semasa tanggapan dan sistem nilainya terbentuk.
- Setiap pelajar mampu belajar dan berjaya. Dia mempunyai keperluan dan keupayaannya sendiri dan berkembang mengikut kemampuannya. Dia memerlukan bimbingan untuk membina kekuatan dan mencapai matlamatnya.
- Pelajar belajar dengan baik sekiranya ada peraturan dan disiplin. Dia juga memerlukan jagaan dan galakan untuk meneroka dan mencapai sesuatu dengan cemerlang. Keseimbangan antara kedua-duanya melahirkan suasana yang kondusif untuk pembelajaran dan pertumbuhan.
- Pembelajaran pelajar haruslah sesuai dengan perkembangan mereka. Perkara yang diajarkan perlu sesuai dengan usia, cara dan berapa banyaknya perkara itu perlu dipelajari. Hal ini akan membantu pelajar membangunkan keyakinan dan motivasinya untuk belajar.

Para pendidik harus memahami pelajar-pelajar mereka dan prihatin akan isu-isu pendidikan yang kompleks. Mereka juga harus berusaha mendalamai kemahiran dalam subjek yang diajarkan dan mengukuhkan kecekapan untuk pengajaran. Pendidik yang baik mengutamakan anak didiknya dan yakin bahawa mereka boleh meninggalkan kesan kepada kehidupan anak itu.

Sekolah merupakan wadah bagi pelajar bergaul. Semasa berinteraksi dengan pelajar-pelajar daripada latar yang berbeza, pelajar sedar bahawa dirinya ialah sebahagian daripada masyarakat yang lebih besar dan secara aktif dia mampu memberikan sumbangan



kepada kehidupan orang lain. Dia juga belajar untuk bekerjasama secara rentas budaya. Sekolah menyediakan peluang untuk pelajar mengembangkan rasa cinta akan negara.

Sekolah memberikan bimbingan dan hala tuju moral kepada pelajar melalui etos disiplin dan keprihatinan. Para pendidik membimbing dan mencorak daya berfikir dan tanggapan pelajar serta membentuk keperibadian moralnya. Akhirnya, pelajar memperoleh pengetahuan, kemahiran dan kecenderungan yang diperlukan untuk menjalani kehidupan yang bermakna dan menyumbang kepada masyarakat dengan aktif.

1.3 HASIL PENDIDIKAN YANG DIINGINI

Seseorang pelajar yang melalui pendidikan sekolah menengah haruslah mencapai hasil pendidikan yang diingini. Pelajar itu mempunyai kesedaran yang baik terhadap diri sendiri, berhemah dan mempunyai kemahiran-kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi menghadapi cabaran masa hadapan. Pelajar bertanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat dan negaranya; mempunyai minda dan tubuh yang sihat; menghargai persekitaran dan mempunyai azam yang kuat untuk menghadapi kehidupan. Dengan kata lain, pelajar merupakan seorang:

- **yang berkeyakinan** dan berupaya membezakan yang baik atau sebaliknya, boleh menyesuaikan diri dengan perubahan, gigih, mengenali dirinya, membuat pertimbangan dengan bijak, berfikir kendiri dan secara kritis dan berkomunikasi dengan efektif;
- **mempunyai arah kendiri** dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri, bertanya, melakukan refleksi dan tabah untuk mencapai kejayaan dalam pembelajaran;
- **penyumbang yang aktif** yang boleh bekerja dalam kumpulan, menggunakan inisiatif, mengambil risiko, inovatif dan bekerja keras untuk menghasilkan sesuatu yang terbaik; dan
- **warganegara yang prihatin**, cintakan tanah airnya, mempunyai kesedaran sivik yang tinggi, tahu dan memainkan peranan aktif dalam membaiki kehidupan orang-orang di sekelilingnya.

Untuk memenuhi hasrat Hasil Pendidikan yang Diingini, setiap pelajar haruslah mencapai perkara-perkara berikut pada akhir pendidikan di sekolah menengah:

- mempunyai integriti moral;
- yakin akan kebolehan mereka dan berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan;
- boleh bekerja dalam kumpulan dan menunjukkan rasa ihsan terhadap orang lain;
- kreatif dan mempunyai sikap ingin tahu;
- boleh menghargai pandangan yang berbeza dan berkomunikasi dengan efektif;
- bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri;
- meminati aktiviti fizikal dan menghargai seni; dan



- yakin terhadap Singapura dan memahami perkara yang penting untuk Singapura.

1.4 MATLAMAT PROGRAM

Matlamat sukatan Bahasa Melayu (Program Khas) adalah untuk membina kecekapan berkomunikasi pelajar dengan menggunakan bahasa baku. Sukatan ini juga bertujuan untuk membina pemahaman pelajar tentang sosio-budaya masyarakat Melayu di Singapura dan di rantau Nusantara.

1.5 OBJEKTIF PROGRAM

Pada akhir pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) pelajar dapat:

- menggunakan bahasa Melayu baku secara lisan dan tulisan dalam pelbagai situasi, khalayak dan untuk pelbagai tujuan;
- menggunakan pelbagai strategi dan kemahiran abad ke-21, iaitu kemahiran informasi, kolaborasi dan komunikasi, berfikir secara kritis dan inventif dan literasi sivik, kesedaran global serta kemahiran rentas budaya untuk memaksimumkan keberkesanan pembelajaran dan komunikasi; dan
- memahami dan mengenali budaya dan tradisi masyarakat Melayu di Singapura dan di rantau Nusantara.



BAHAGIAN 2

2.1 KEMAHIRAN BAHASA


Kemahiran Bahasa yang asas merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran bahasa ini merupakan teras pemerolehan dan penguasaan bahasa baku. Dalam kehidupan sebenar, kebanyakan penggunaan bahasa dalam komunikasi memerlukan kombinasi kemahiran reseptif (mendengar dan membaca) dan kemahiran produktif (bertutur dan menulis). Kebanyakan komunikasi sehari-hari memerlukan interaksi dua hala (seperti mendengar dan memberikan respons secara lisan semasa perbualan atau membaca dan memberikan respons secara bertulis menerusi e-mel.) Oleh itu, kurikulum Bahasa Melayu (Program Khas) perlu menekankan kemahiran interaksi lisan dan kemahiran interaksi penulisan di samping empat kemahiran asas bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Huraian bagi setiap kemahiran bahasa adalah seperti berikut:

- *Kemahiran Mendengar* merujuk kepada keupayaan pelajar mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan seperti perbincangan, ucapan, lakonan, dan temu bual. Pelajar juga berupaya memberikan tindak balas yang wajar.
- *Kemahiran Bertutur* merujuk kepada keupayaan pelajar mengajukan pertanyaan dan menyampaikan maklumat, pendapat dan perasaan secara lisan dengan menggunakan sebutan baku, intonasi dan jeda yang betul. Penekanan diberikan kepada kesantunan dalam pengucapan dan penggunaan bahasa yang betul.
- *Kemahiran Membaca* merujuk kepada keupayaan pelajar membaca dengan sebutan baku, intonasi, jeda, dan kelancaran dengan menggunakan pelbagai teknik membaca. Aspek pemahaman pelbagai bahan yang dibaca dan memberikan respons yang wajar perlu diberikan penekanan.
- *Kemahiran Menulis* merujuk kepada keupayaan pelajar menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, tulisan yang jelas dan kemas serta teknik penulisan yang pelbagai. Pelajar digalakkan untuk menggunakan kreativiti dalam penulisan.
- *Kemahiran Interaksi Lisan* merujuk kepada keupayaan pelajar berkomunikasi secara lisan yang berbentuk perbualan, transaksi dan perbincangan secara dua hala dalam pelbagai konteks, tujuan dan khalayak.
- *Kemahiran Interaksi Penulisan* merujuk kepada keupayaan pelajar berkomunikasi secara tulisan yang berbentuk transaksi, perbincangan dan pembujukan secara dua hala dalam pelbagai konteks, tujuan dan khalayak.



Kemahiran bahasa yang dimaksudkan ini dapat digambarkan melalui rajah berikut.



Kemahiran Bahasa

2.2 HASIL PEMBELAJARAN

Hasil pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan berdasarkan objektif kurikulum Bahasa Melayu (Program Khas) dan spektrum pembelajaran yang dikenal pasti. Pernyataan ini merupakan petunjuk dan memberikan gambaran yang jelas tentang kemahiran yang perlu dicapai oleh pelajar. Hasil pembelajaran ini dibina dengan menyepadukan kemahiran bahasa, sistem bahasa, penggunaan bahasa dan pengisian kurikulum. Diharapkan agar hasil pembelajaran ini dapat membina kemahiran pelajar berkomunikasi dan memperoleh informasi tentang bahasa, budaya, nilai dan pengetahuan lain serta menyampaikan pengetahuan yang diraih dengan fasih dan berkesan.

Setiap hasil pembelajaran yang disarankan dalam sukatan ini dihuraikan secara jelas bagi peringkat utama, iaitu Menengah 2 dan Menengah 4. Pelajar berpeluang menguasai setiap kemahiran bahasa di peringkat utama dalam masa dua tahun pembelajaran. Penetapan hasil pembelajaran bagi pelbagai peringkat dan program ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada semua pelajar menguasai kemahiran berbahasa yang disasarkan mengikut kesediaan dan keupayaan pelajar.

Hasil pembelajaran yang disediakan dapat membantu guru mengenal pasti dan memilih kaedah, strategi dan sumber pengajaran yang berkesan dan relevan bagi setiap peringkat. Hasil pembelajaran ini juga membantu guru dalam menjalankan penilaian kelakonan dan pencapaian pelajar pada peringkat-peringkat tertentu. Oleh itu, untuk mencapai hasil pembelajaran ini, guru perlu menyediakan pengajaran dan pembelajaran yang berdasarkan prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa. Pelajar perlu diberi peluang untuk menguasai dan menggunakan pelbagai strategi pembelajaran, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran teknologi maklumat, sistem bahasa dan aspek sosiolinguistik dalam lingkungan penggunaan bahasa.



Yang berikut ialah pernyataan hasil pembelajaran umum bagi keenam-enam kemahiran bahasa. Perincian bagi setiap hasil pembelajaran umum ini disediakan di dalam **Lampiran A**.

HASIL PEMBELAJARAN UMUM PERINGKAT MENENGAH 2 DAN 4

HASIL PEMBELAJARAN		
PERINGKAT/ KEMAHIRAN	MENENGAH 2	MENENGAH 4
MENDENGAR	Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap pelbagai teks prosa dan puisi tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat dan negara.	Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap pelbagai teks prosa dan puisi tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau.
BERTUTUR	Menyampaikan sesuatu perkara dengan jelas tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat dan negara dengan menggunakan sebutan baku.	Menyampaikan sesuatu perkara dengan jelas dan lancar tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau dengan menggunakan sebutan baku.
MEMBACA	Membaca dan memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai teks tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat dan negara.	Membaca dan memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai teks tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau.
MENULIS	Menulis pelbagai teks naratif, deskriptif dan ekspositori tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat dan negara dengan menggunakan bahasa yang betul.	Menulis pelbagai teks naratif, deskriptif dan ekspositori tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau dengan menggunakan bahasa yang betul.
INTERAKSI LISAN	Berinteraksi dengan pihak lain secara jelas tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat dan negara menggunakan sebutan baku dan bertatasusila.	Berinteraksi dengan pihak lain secara jelas dan lancar tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau menggunakan sebutan baku dan bertatasusila.
INTERAKSI PENULISAN	Memberikan respons secara bertulis yang berbentuk transaksi, perbincangan dan pembujukan tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat dan negara dengan menggunakan bahasa yang betul.	Memberikan respons secara bertulis yang berbentuk transaksi, perbincangan dan pembujukan tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau dengan menggunakan bahasa yang betul.



2.3 PENGISIAN KURIKULUM

2.3.1 Sistem Bahasa

Sistem Bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran merujuk kepada bahasa Melayu baku yang terdiri daripada tatabahasa, ejaan, tanda baca, kosa kata, sebutan dan intonasi dan peribahasa. Aspek tatabahasa merangkumi morfologi dan sintaksis manakala aspek kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah. Penerangan ringkas bagi perkara tersebut dinyatakan seperti berikut.

2.3.1.1 Tatabahasa

Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dan eksplisit dalam konteks. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

a. Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk dan penggolongan kata. Yang berikut ialah perincian bagi ketiga-tiga aspek ini:

i. Bentuk kata:

- bentuk kata tunggal
- bentuk kata terbitan
- bentuk kata majmuk
- bentuk kata ganda.

ii. Proses pembentukan:

- pengimbuhan
- pengandaan
- pemajmukan.


iii. Golongan kata:

- kata nama
- kata kerja
- kata adjektif
- kata tugas

b. Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan ialah:

- i. unsur utama ayat yang terdiri daripada kata, frasa dan pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat
- ii. jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan
- iii. ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif
- iv. susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang
- v. binaan ayat, iaitu ayat dasar, ayat tunggal dan ayat majmuk.



Lampiran B menyenaraikan aspek tatabahasa bagi peringkat Menengah 1 dan 2 serta Menengah 3 dan 4.

2.3.1.2 Sistem Ejaan

Perkara yang ditekankan ialah:

- i. pola keselarasan huruf vokal
- ii. ejaan kata pinjaman
- iii. ejaan kata terbitan.

2.3.1.3 Aspek Tanda Baca

Perkara yang diberikan perhatian ialah:

- i. penggunaannya dalam bentuk ayat
- ii. penggunaannya dalam bentuk bukan ayat.

2.3.1.4 Kosa Kata

Kosa kata terdiri daripada kosa kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu diajarkan sesuai dengan tahap kesediaan dan keperluan para pelajar yang mengambil Bahasa Melayu (Program Khas).

2.3.1.5 Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya pelajar dapat menyebut perkataan dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang dipupuk ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya pelajar dapat menyampaikan sesuatu makna dengan tepat berdasarkan konteks dan situasi. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah ialah sebutan bahasa Melayu baku.

2.3.1.6 Peribahasa


Peribahasa dan bahasa kiasan perlu diajarkan dalam konteks. Pengajaran dan pembelajaran peribahasa hendaklah mengutamakan keperibadian dan nilai murni masyarakat Melayu, negara dan masyarakat majmuk di Singapura. Daftar peribahasa yang lengkap terdapat dalam **Lampiran C**.

2.3.2 Domain Pembelajaran

Bahasa digunakan berdasarkan konteks sesuatu situasi dalam domain kehidupan sosial. Konteks menentukan situasi, tujuan, fungsi, tugas, tema dan teks untuk pengajaran dan penilaian. Untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran bahasa, tiga domain berikut dikenal pasti untuk memastikan pelajar terdedah kepada pelbagai konteks. Domain yang disarankan ialah:

2.3.2.1 Domain Peribadi

Domain ini merujuk kepada hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan peribadi individu dan hubungannya dengan keluarga, kenalan dan jiran tetangga.



2.3.2.2 Domain Masyarakat dan Negara

Domain ini merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan individu dan hubungannya dengan masyarakat Melayu yang melibatkan cara hidup termasuklah kehidupan sosialnya serta hubungan dengan anggota masyarakat lain dalam konteks masyarakat majmuk Singapura.

2.3.2.3 Domain Serantau

Domain ini merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan individu dan hubungannya dengan anggota masyarakat serantau dan dunia serta hal-hal sekitaran.

2.3.3 Nilai Murni dan Budaya Masyarakat Melayu


Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu (Program Khas) adalah untuk melahirkan insan yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia selaras dengan nilai yang termaktub dalam Hasil Pendidikan yang Diingini. Penghayatan dan amalan nilai murni serta pengetahuan tentang budaya diharap dapat memberikan peluang kepada pelajar mengenali, mendalami dan menghargai bahasa dan budaya masyarakat Melayu sebagai sebahagian daripada masyarakat majmuk di Singapura. men. Pemahaman dan kesedaran tentang budaya, tradisi dan nilai masyarakat Melayu diterapkan dengan terancang sama ada secara langsung atau tidak langsung.

2.3.4 Pendidikan Nasional

Penyerapan Pendidikan Nasional dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) bertujuan untuk memupuk sikap cintakan negara dan mengukuhkan jati diri pelajar sebagai warganegara Singapura. Nilai patriotisme yang terkandung dalam Pendidikan Nasional hendaklah disemai secara tidak langsung melalui penggunaan bahan-bahan pengajaran yang sesuai.

Enam perutusan Pendidikan Nasional seperti yang berikut:

1. **Singapura tanah air kita; di sini tempat kita.**
Kita menghargai warisan dan bangga akan cara hidup kita yang unik.
2. **Kita mesti mengekalkan keharmonian kaum dan agama.**
Kita menghargai perbezaan kita dan berazam untuk kekal bersama sebagai satu negara yang bersatu padu.
3. **Kita mesti mendukung meritokrasi dan sikap amanah**
Kita memberikan peluang kepada semua mengikut kebolehan dan usaha mereka.
4. **Tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap Singapura.**
Kita mesti mencari jalan sendiri untuk bertahanan dan mencapai kemakmuran dan mengubah cabaran menjadi peluang.







5. **Kita sendiri yang mesti mempertahankan Singapura.**
Kita bangga mempertahankan Singapura sendiri, tiada siapa yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesejahteraan kita.
6. **Kita mempunyai keyakinan terhadap masa depan kita.**
Dengan bersatu, berazam dan bersedia, kita boleh membina masa depan yang cerah untuk diri kita dan untuk sama-sama maju sebagai satu negara.

2.3.5 Kemahiran Abad ke-21

Untuk membantu para pelajar mengharungi kehidupan dan cabaran abad ke-21, para pelajar perlu dilengkappkan dengan kemahiran yang sesuai. Dengan kemahiran ini, para pelajar akan mempunyai daya saing yang tinggi dan akan lebih bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan-perubahan pesat yang berlaku di sekeliling mereka. Dengan itu, para pelajar perlu mengaplikasikan set kemahiran yang ada di samping membina set kemahiran baharu untuk berjaya dalam masyarakat dan dunia yang berubah-ubah, sesuai dengan hasil pendidikan yang ditetapkan dalam C2015 seperti yang terkandung dalam rajah berikut.



Lingkaran tengah untuk Nilai Teras menghuraikan kemahiran yang perlu bagi para pelajar, iaitu menyedari dan mengurus diri mereka, membina sifat penyayang dan prihatin terhadap orang lain, membuat keputusan yang baik dan bertanggungjawab, menjalin hubungan yang positif serta menangani situasi yang mencabar dengan berkesan. Lingkaran luar kerangka tersebut menerangkan kemahiran yang diperlukan dalam dunia yang bersifat global. Kemahiran-kemahiran tersebut ialah Literasi Sivik, Kesedaran Global dan Kemahiran Rentas Budaya; Berfikir Secara Kritis dan Inventif; serta Kemahiran Informasi, Kolaborasi



dan Komunikasi. Pemerolehan set kemahiran ini diperlukan untuk membina pelajar yang berkeyakinan, mempunyai arah kendiri, penyumbang aktif dan warganegara yang prihatin.

2.3.5.1 Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada pelajar melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca menulis, interaksi lisan dan interaksi penulisan. Pelajar diharap agar dapat mengendalikan persekitaran, matlamat, tugas dan input yang pelbagai dalam penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Set kemahiran berfikir terdiri daripada perkara-perkara yang berikut:

TAKSONOMI	KEMAHIRAN			
Mencipta	Menggabung	Merancang	Mengubah/ Mereka cipta	Merealisasikan
Menilai	Menentukan kedudukan/ Peringkat	Mengukur	Menyimpulkan	Bertindak
Menganalisis	Menyusun	Menjelaskan	Membezakan/ Membandingkan	Mencapai
Mengaplikasi	Mengklasifikasi	Mengeksperimen	Mengira	Membina
Memahami	Meringkaskan	Menterjemah	Meramalkan	Melaksanakan
Mengingat	Menyenarai	Menerangkan	Menjadualkan	Menggunakan dengan betul

(Adaptasi: Bloom, 2005)

Peningkatan Kemahiran

2.3.5.2 Kemahiran Informasi dan Komunikasi (ICT)

Dalam menyediakan pelajar dengan kemahiran literasi era digital, guru perlu mengambil kira bidang kemahiran Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT) yang telah dikenal pasti bagi pelajar peringkat menengah. Bidang ICT tersebut merangkumi tiga aspek: Literasi Maklumat, Literasi Media dan Literasi Produksi. Penggunaan ICT di sekolah bertujuan untuk memperkaya sekitaran pembelajaran pelajar untuk terus menggunakan ICT dalam pembelajaran secara tekal dan efektif. Hal ini diharap akan dapat membantu pelajar membina kecekapan bagi pembelajaran secara kendiri dan sikap bekerjasama melalui penggunaan ICT secara efektif dan menjadi pengguna ICT yang berhemah dan bertanggungjawab.

Dalam penggunaan ICT, guru perlulah mendidik pelajar agar menjadi pengguna yang bertanggungjawab dan sedar akan risiko kelakuan yang berbahaya dalam talian dan berupaya untuk melindungi diri sendiri dan pengguna Internet yang lain. Melalui pengajaran kesejahteraan siber, pelajar akan memperoleh kemahiran berkaitan dengan etika dan perundangan, serta penggunaan ICT secara selamat dan bertanggungjawab sejajar dengan Kerangka Kerja Kesejahteraan Siber.

Perincian tentang ICT bagi sekolah menengah dan kesejahteraan siber diberikan di **Lampiran D**.



BAHAGIAN 3

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pengajaran dan pembelajaran ialah satu bentuk komunikasi dua hala yang melibatkan guru dan pelajar. Kedua-dua pihak bertindak untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran berlaku dalam bilik darjah seperti yang dirancang. Untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan, guru perlu menjalankan pengajaran berlandaskan prinsip-prinsip yang mendasari kurikulum Bahasa Melayu (Program Khas). Pemilihan dan penggunaan bahan, kaedah, teknik dan pendekatan perlu sejajar dan saling melengkapi untuk menjamin pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran.

3.1 PRINSIP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

3.1.1 Prinsip-prinsip yang Disarankan

a. Pembelajaran Berpusat pada Pelajar


Pelajar menjadi tumpuan utama dalam proses pembelajaran. Guru perlu merancang pelajaran dan memastikan pendekatan, bahan pengajaran dan penilaian yang digunakan menepati keperluan, keupayaan, minat, gaya belajar dan tahap pengetahuan setiap pelajar untuk membolehkan mereka membuat kaitan antara diri mereka dengan sekolah dan persekitaran. Strategi pengajaran yang pelbagai perlu untuk menghasilkan pelajaran yang holistik, menarik, autentik dan bermakna bagi setiap pelajar. Hal ini dapat melibatkan setiap pelajar secara aktif dalam setiap aktiviti pembelajaran dengan berkesan.

b. Pembelajaran Kontekstual

Kaedah pembelajaran kontekstual mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian pelajar dan hubungannya dengan alam di sekelilingnya. Selain itu, kemahiran asas bahasa, tatabahasa, kosa kata dan peribahasa perlu dipelajari dalam konteks penggunaan bahasa sesuai dengan tujuan, khalayak, situasi dan budaya. Konteks yang dipilih akan menentukan kesesuaian dan laras bahasa yang perlu digunakan. Pengajaran dan pembelajaran aspek-aspek ini tidak dilakukan secara tersendiri tetapi dikenalkan dalam satu wacana. Pembelajaran secara kontekstual membolehkan pelajar memahami fungsi aspek bahasa yang dipelajari dengan berkesan di samping berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baharu yang diperoleh secara bermakna.

c. Orientasi Proses

Pembelajaran bahasa mengutamakan proses dan juga produk. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) mengambil kira pelbagai proses dan aktiviti. Pelajar perlu digalakkan untuk mencuba dan berani mengambil risiko untuk memperoleh ilmu dan kemahiran baharu. Proses ini memberikan peluang kepada pelajar bersikap proaktif, menjana idea baharu dan kreatif bagi menyelesaikan masalah berdasarkan aktiviti yang diberikan dan memperbaik mutu serta meningkatkan daya hasil kerja mereka.



d. Penggabungjalinan

Penggabungjalinan bertujuan untuk menggalakkan pengajaran dan pembelajaran sesuatu kemahiran atau aspek bahasa secara bersepada. Penggabungjalinan kemahiran, aspek bahasa, bahan pengajaran, dan strategi pengajaran dan pembelajaran menjadikan aspek-aspek pembelajaran saling melengkap. Proses penggabungjalinan berupaya menimbulkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan, menarik dan bermakna dan memberikan peluang kepada pelajar untuk menguasai beberapa kemahiran secara serentak.

e. Penerapan Pelbagai Bidang Ilmu Pengetahuan, Budaya dan Nilai Masyarakat Melayu

Penggunaan bahan pelbagai bidang ilmu perlu untuk mewujudkan situasi yang autentik dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Kesedaran dan apresiasi budaya, tradisi dan nilai masyarakat Melayu yang disepadukan dalam konteks masyarakat berbilang budaya membolehkan pelajar menghubungkaitkannya dengan budaya Melayu masa kini dan pandangan dunia mereka.

f. Kemajuan Berbentuk Lingkaran

Kemahiran bahasa, item tatabahasa dan komponen bahasa yang lain diajarkan dan dipertingkatkan mengikut peringkat pelajar dengan kepayahan yang sesuai. Dengan kata lain, pembelajaran merupakan proses yang dibina secara berperingkat-peringkat. Semakin tinggi peringkat pembelajaran semakin luas ilmu dan semakin tinggi kemahiran yang dipelajari.

g. Pengajaran Tatabahasa secara Eksplisit

Pelajar akan dide dahakan kepada peraturan-peraturan bahasa menerusi pengajaran tatabahasa secara eksplisit dalam wacana berdasarkan konteks. Pelajar akan diajar aspek-aspek pembentukan dan penggunaan item tatabahasa yang dipelajari. Selain memberikan penerangan-penerangan bagi menjelaskan peraturan-peraturan tersebut, latihan-latihan yang sistematik juga akan disediakan untuk mengukuhkan pemahaman pelajar tentang item tatabahasa yang dipelajari. Guru perlu mempertimbangkan kebolehan kognitif pelajar supaya pengajaran tatabahasa secara eksplisit sesuai dan bermakna.

3.2 STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

3.2.1 Pengajaran dan Pembelajaran yang Menegaskan Pelibatan Pelajar

Kerangka kerja PETALS™ yang terdiri daripada lima dimensi disarankan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk melibatkan pelibatan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran. Lima dimensi ini ialah Pedagogi, Pengalaman Pembelajaran, Keadaan Persekutaran, Penilaian dan Kandungan Pembelajaran. Setiap dimensi menyentuh aspek-aspek pembelajaran dan pengajaran yang berbeza, yang apabila disatukan, akan meningkatkan lagi pembelajaran. Guru perlu menggunakan dimensi-dimensi PETALS™ ini untuk membimbing perancangan dan pengajaran mereka yang akhirnya akan mempengaruhi tahap pelibatan pelajar dalam pembelajaran. Yang berikut ialah kerangka PETALS™ yang disarankan.



Setiap dimensi membimbing guru untuk memikirkan cara dan bahan yang dapat disediakan agar pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Guru boleh menggunakan dimensi ini secara efektif dengan:


- memilih **kandungan pelajaran** yang relevan dan bermakna;
- memilih **pedagogi** yang menimbangkan kesediaan pelajar;
- merancang **pengalaman pembelajaran** yang boleh merangsang pemikiran;
- menyediakan **keadaan persekitaran** pembelajaran yang kondusif; dan
- mengamalkan **penilaian** yang meningkatkan pembelajaran selanjutnya.

a. Kandungan Pelajaran

Kandungan pelajaran haruslah relevan dan autentik. Kandungan seperti ini membantu pelajar untuk memahami dan mengaitkan perkara yang dipelajari dengan kehidupan harian mereka. Oleh itu, mereka lebih berupaya menyelesaikan masalah yang realistik dalam konteks kehidupan sebenar. Melalui pembelajaran yang relevan dan berkонтекstual juga pelajar akan lebih terangsang untuk menggunakan bahasa bagi mendalami perkara yang dipelajarinya.

b. Penggunaan Pedagogi

Guru menggunakan strategi yang berbagai-bagai dan sesuai mengikut peringkat keupayaan dan kecerdasan pelajar yang pelbagai serta memahami gaya belajar mereka. Guru harus melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran pedagogi dan bersikap aktif, progresif dan dinamik dan berupaya menggunakan dalam pengajaran dengan berkesan untuk meningkatkan penglibatan dan pemahaman sedia ada pelajar. Di samping itu, guru haruslah berupaya untuk menguruskan perbincangan kelas dan menggunakan soalan-soalan yang boleh menggalakkan pelajar memberikan respons. Dalam hal ini, guru perlu merancang pelajaran dengan teliti dan menentukan objektif pelajaran, strategi yang digunakan dan alat serta jenis penilaian untuk memastikan objektif dan hasil pembelajaran sesuatu pelajaran tercapai.



c. Pengalaman Pembelajaran

Pengalaman belajar pelajar harus dapat mencabar pemikiran, meningkatkan keupayaan mereka untuk mencerna maklumat dan idea serta mengembangkan sifat mandiri dalam diri mereka. Guru harus dapat mengembangkan pemikiran dan memaksimumkan pengalaman dan potensi pelajar ke tahap yang lebih tinggi.

d. Keadaan Persekutaran

Guru menyediakan satu struktur dan suasana belajar yang tidak mengancam, memberangsangkan lagi produktif. Dengan mewujudkan struktur dan suasana sedemikian, pelajar akan menjadi lebih bermotivasi dan dapat melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran. Untuk mewujudkan keadaan persekitaran seperti ini, guru perlulah bersikap terbuka, menerima dan memahami keperluan dan profil pelajar. Hubungan dan interaksi positif antara guru dengan pelajar perlulah dibina agar pelajar terangsang untuk menyuarakan pandangan mereka dengan selesa.

e. Penilaian untuk Pembelajaran

Penilaian untuk pembelajaran bertujuan untuk mempertingkatkan pembelajaran pelajar. Penilaian ini merangkumi langkah-langkah seperti memantau kemajuan pelajar, mengenal pasti keperluan pelajar atau membina rancangan pengajaran yang sesuai. Penilaian untuk pembelajaran merupakan proses yang interaktif dan berterusan. Guru berperanan untuk memberikan laporan balik yang berkualiti dan konstruktif kepada pelajar dalam proses pembelajaran. Penilaian yang dilakukan haruslah selaras dengan kemahiran yang telah diajarkan dan kaedah dan teknik pengajaran yang digunakan oleh guru. Dalam hal ini, kedua-dua guru dan pelajar akan terlibat dalam proses melakukan refleksi, dialog dan juga perbincangan untuk sama-sama mengenal pasti tindakan susulan yang diperlukan. Dengan itu, pelajar terlibat secara langsung dalam mempertingkatkan kelakonan mereka dalam pembelajaran.

3.2.2 Pengelolaan Kelas


Pada dasarnya, keberkesanannya sesuatu pengajaran dan pembelajaran bahasa juga bergantung pada keberkesanannya pengelolaan kelas. Untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) lebih berkesan, pelajar boleh dibahagikan kepada kumpulan yang lebih kecil:

a. Kumpulan Secara Rambang

Pelajar ditempatkan dalam kumpulan secara rambang, biasanya pada awal tahun untuk memberikan mereka peluang berkenalan dengan rakan-rakan lain dalam kelas.

b. Kumpulan Berdasarkan Keupayaan

Pelajar ditempatkan dalam kumpulan yang mempunyai tahap keupayaan yang sama untuk menjalankan aktiviti tertentu. Tujuannya agar pelajar dapat belajar dengan kepentasan yang bersesuaian dengan keupayaan mereka. Kumpulan ini boleh berubah-ubah bergantung kepada keperluan pelajar.



c. Kumpulan Pelbagai Keupayaan

Pelajar yang mempunyai pelbagai keupayaan ditempatkan dalam kumpulan yang sama untuk menjalankan aktiviti kreatif atau kerja kumpulan. Ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pembelajaran rakan sebaya, kepimpinan, kerjasama dan kerja kumpulan. Cara ini juga efektif untuk membantu pelajar yang lemah belajar daripada rakan mereka yang lebih berkebolehan. Di samping itu, pelajar diberi peluang untuk berinteraksi sosial dengan rakan-rakan yang mempunyai keupayaan, minat dan profil pembelajaran yang berbeza.

d. Berpasangan


Pelajar digandingkan dengan rakan untuk melakukan aktiviti secara berpasangan, misalnya membaca bersama, melakukan permainan bahasa dan latihan bahasa.

Pembahagian pelajar kepada kumpulan kecil ini bertujuan untuk:


- mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar;
- merancang atau menyediakan rancangan pelajaran bagi kumpulan yang menghadapi masalah;
- memberikan peluang kepada pelajar yang lebih baik untuk belajar lebih pantas daripada pelajar yang lemah;
- memupuk sifat kepimpinan, inisiatif, kerjasama dan sifat mandiri; dan
- memberikan peluang kepada pelajar belajar daripada rakan sebaya.

3.2.3 Pengajaran Pembezaan

Kurikulum Bahasa Melayu (Program Khas) menyarankan penggunaan pengajaran pembezaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Secara umum, pengajaran pembezaan bermakna membezakan kandungan (konsep, prinsip dan kemahiran), proses (strategi dan aktiviti) dan produk (hasil dan cara penilaian) dalam pengajaran bagi kumpulan pelajar yang mempunyai keupayaan yang berbeza-beza. Cara ini membantu guru merancang pengajaran dengan sistematik untuk memaksimumkan peluang pembelajaran bagi setiap pelajar yang mempunyai keperluan pembelajaran yang pelbagai. Dalam sesebuah bilik darjah, pelajar datang daripada latar belakang yang pelbagai ragam, seperti dari segi kemampuan kognitif, keupayaan berbahasa, tahap motivasi, sikap dan minat. Oleh itu, untuk memberikan peluang kepada semua pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran, guru perlu mengambil kira kepelbagaian ini khususnya kesediaan, profil pembelajaran dan minat pelajar ketika merancang dan menjalankan pengajaran. Yang berikut ialah rajah yang menerangkan butiran tentang pengajaran pembezaan.



Sumber: *The Differentiated Classroom: Responding to the Needs of All Learners* oleh C.A. Tomlinson, Alexandria, VA ASCD, 1999.



Guru boleh membezakan perkara-perkara berikut dalam pengajaran dengan mengambil kira kesediaan, minat dan profil pembelajaran pelajar. Yang berikut ialah penerangan ringkas tentang ketiga-tiga perkara ini.

i Kandungan

Pengajaran pembezaan dapat dijalankan dengan membezakan kandungan atau bahan pengajaran, perkara yang perlu dipelajari oleh pelajar dan cara yang digunakan untuk memperoleh maklumat. Guru boleh mengajarkan semula kandungan kepada pelajar yang menghadapi masalah dengan mengendalikan pertemuan kecil atau perbincangan. Sementara itu, guru boleh mengembangkan pemikiran dan kemahiran pelajar yang lebih cemerlang dengan kandungan pelajaran yang lebih mencabar.

ii Proses

Guru boleh membezakan proses dengan menggunakan pelbagai aktiviti di dalam bilik darjah. Aktiviti-aktiviti ini dapat melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran untuk membolehkan pelajar menguasai kandungan atau kemahiran yang dipelajarinya. Guru juga boleh memperuntukkan jangka masa yang berlainan untuk pelajar melaksanakan sesuatu tugas agar dapat memberikan peluang kepada pelajar yang lemah melakukannya mengikut kemampuan mereka dan pelajar yang cemerlang pula berpeluang mempelajari topik atau kemahiran yang dipelajarinya secara mendalam.

iii Produk

Guru perlu mempelbagaikan tugas berdasarkan kesediaan dan minat pelajar. Hal ini dapat memberikan peluang kepada pelajar bekerja secara individu atau berkumpulan, berfikir semula, menggunakan dan mengembangkan perkara yang dipelajari berdasarkan keupayaannya sepanjang masa pembelajaran. Dengan membezakan tugas, pelajar digalakkan untuk memberikan tumpuan pada cara-cara terbaik untuk menghasilkan produk berdasarkan daya fikir mereka tanpa mengabaikan kriteria-kriteria yang perlu dipenuhi.

Pengajaran pembezaan merupakan pendekatan pengajaran yang dapat menjangkau pelbagai kebolehan, minat dan keperluan pelajar dalam bilik darjah. Dengan yang demikian, pelajar boleh dibantu untuk mendapat manfaat dan memaksimumkan potensinya.

Untuk membantu pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran dan seterusnya mencapai sesuatu kemahiran bahasa atau hasil pembelajaran, guru perlu memastikan perkara-perkara berikut dalam pengajaran mereka:

- kandungan, matlamat dan objektif pelajaran jelas;
- pelajaran, aktiviti dan produk yang dibina dapat difahami dan diaplikasikan oleh pelajar;
- bahan-bahan dan tugas menarik, relevan, autentik dan bermakna; persekitaran pembelajaran yang kondusif;
- pembelajaran berfokuskan pada pelajar termasuklah penggunaan kumpulan yang fleksibel;
- tahap kepayaan kemahiran dan konsep yang diajarkan haruslah lebih tinggi agar kemampuan pelajar boleh dicabar dan dapat dipertingkatkan;

- penilaian yang berterusan dan sesuai dijalankan agar kelakonan dan potensi pelajar dapat dipantau dan ditingkatkan; dan
- aktiviti pengayaan bahasa dirancang untuk menyokong pembelajaran.

3.3 TEKNIK PENGAJARAN

Teknik ialah cara yang lebih khusus yang digunakan oleh guru di dalam bilik darjah untuk menjayakan pengajaran dan pembelajaran. Di bawah ini diberikan beberapa contoh teknik berserta penerangannya yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas).

a. Teknik Ajuk-Hafal (*Modeling*)

Teknik ini bermaksud pengajaran disampaikan melalui demonstrasi dan latih tubi. Pengajaran secara demonstrasi harus berkaitan dengan sebutan atau pertuturan melalui guru bahasa. Dalam pengajaran ini, penutur jati akan menyebut perkataan atau membaca ayat. Setelah mendengar perkataan atau ayat tersebut, pelajar akan mengajuknya sehingga separuh terhafal. Sebagai contoh, setelah dibacakan satu perkataan atau ayat dengan intonasi yang betul, pelajar dikehendaki mengajuknya beberapa kali sehingga perkataan atau ayat itu disebut dengan intonasi yang betul. Bagi cara latih tubi, penutur jati akan menyebut perkataan atau membaca ayat beberapa kali diikuti oleh pelajar-pelajar sehinggalah mereka menghafal perkataan atau ayat tersebut.

b. Teknik Penyampaian

Penyampaian melibatkan aktiviti mempersembahkan ucapan di khalayak. Penyampaian boleh berbentuk syarahan, pidato, ulasan atau penerangan. Bahan yang dipersembahkan hendaklah ringkas dan padat, menepati isi dan menarik. Selain isi dan alat media, perkara-perkara lain yang harus diberikan perhatian ialah suara, bahasa anggota badan dan penampilan.

Yang berikut ialah beberapa aspek penting yang boleh membantu pelajar untuk membuat penyampaian yang baik:

i. Persediaan

Pelajar harus menyediakan struktur ucapan dengan cermat dan logik. Setelah menulis draf yang pertama, pelajar harus menyemak dan memastikan bahawa hanya isi yang relevan yang terdapat dalam ucapan tersebut.

ii. Melaksanakan Penyampaian

Pelajar hendaklah mengalu-alukan kehadiran audiens dan memberitahu audiens tentang tujuan dan perkara yang hendak disampaikan. Pelajar juga perlu merumuskan isi penyampaian pada akhir penyampaiannya.

iii. Penyampaian

- Pelajar hendaklah bertutur dengan jelas dan menjaga kelajuan penyampaian dengan baik.
- Pelajar hendaklah berhenti sebentar dan boleh menggunakan pergerakan tangan untuk menekankan kepentingan isi tersebut.
- Pelajar harus memandang audiens dan tidak terpaku kepada seseorang individu sahaja. Pelajar juga harus sentiasa



memandang bahasa anggota tubuh audiens kerana perkara ini boleh memberikan isyarat tertentu.

- Pelajar harus berdiri di posisi yang tidak menghalang skrin.

iv. Alat Bantu *ICT*

Penggunaan alat bantu *ICT* boleh membuat penyampaian pelajar lebih menarik dan meningkat minat pelajar lain untuk memberikan tumpuan pada penyampaian tersebut. Untuk mempertingkatkan mutu penyampaian, bahasa yang digunakan haruslah ringkas dan padat, tidak terlalu banyak maklumat dan warna juga sesuai dan memudahkan pemahaman.

c. Teknik SQ4R

Teknik SQ4R merupakan satu kaedah yang memerlukan pelajar mempersoalkan kesesuaian maklumat yang terdapat dalam suatu bahan yang dibaca dengan tugas yang perlu diselesaikan. SQ4R ialah singkatan bagi:

- S (*survey*) tinjau;
- Q (*question*) soal/tanya;
- R (*read*) baca;
- R (*recite*) imbas kembali dan nyatakan secara lisan;
- R (*relate*) kaitkan dengan pengetahuan sedia ada; dan
- R (*review*) baca semula dan semak.

Langkah 1

Survey (tinjau) ialah langkah membaca untuk mendapatkan gambaran keseluruhan tentang apa yang terkandung di dalam bahan yang dibaca. Ini dilakukan dengan meneliti tajuk besar, tajuk-tajuk kecil, gambar-gambar atau ilustrasi, lakaran grafik, membaca perenggan pengenalan dan perenggan terakhir di bahagian-bahagian buku atau teks.

Langkah 2

Question (soal atau tanya) ialah langkah yang memerlukan pelajar menyenaraikan satu siri soalan mengenai teks tersebut setelah mendapat teks tersebut berkaitan dengan keperluan tugas pelajar. Soalan-soalan tersebut menjadi garis panduan semasa pelajar membaca kelak. Pelajar akan cuba mencari jawapan kepada soalan-soalan tersebut.

Langkah 3

Read (baca) ialah peringkat pelajar membaca bahan atau teks tersebut secara aktif serta mencuba mendapatkan segala jawapan kepada soalan-soalan yang telah disenaraikan sebelumnya. Ketika membaca, pelajar mungkin juga akan menyenaraikan soalan-soalan tambahan, berdasarkan perkembangan kefahaman dan keinginan pelajar sepanjang melakukan pembacaan.

Langkah 4

Recite (imbas kembali dan nyatakan secara lisan) ialah peringkat di mana pelajar mengingat kembali apa yang telah dibaca dan meneliti segala yang telah diperoleh. Pemilihan maklumat yang sesuai dilakukan dalam konteks tugas yang diberikan. Pelajar juga boleh menjawab soalan-soalan yang disenaraikan sebelum itu tanpa merujuk kepada nota atau bahan yang telah dibaca.



Langkah 5

Relate (kaitkan dengan pengetahuan sedia ada) ialah langkah yang membolehkan pelajar mengaitkan fakta dan konsep baharu dengan maklumat yang telah diketahui. Dengan berbuat demikian, pelajar dapat mengingati fakta dan konsep yang baru dibaca.

Langkah 6

Review (baca semula dan semak) merupakan peringkat terakhir yang membolehkan pelajar membaca bahagian-bahagian buku atau teks untuk mengesahkan jawapan-jawapan kepada soalan yang dibuatnya pada langkah ketiga. Pelajar juga memastikan tiada fakta penting yang tertinggal.

d. Teknik Membaca Secara Luncuran

Teknik membaca secara luncuran digunakan untuk mengenal pasti idea utama di dalam sesebuah teks dengan cepat. Pelajar boleh menggunakan teknik ini jika pelajar mempunyai banyak bahan bacaan yang harus dibaca dalam jangka masa yang pendek. Teknik ini sesuai untuk pelajar jika tujuan pelajar membaca teks tersebut adalah untuk mendapatkan sesuatu maklumat dan bukan untuk memahami isi teks dengan sepenuhnya.

Ketika menggunakan teknik luncuran, pelajar boleh membaca:

- perenggan pertama dan terakhir;
- tajuk, subtajuk dan ilustrasi; dan
- ayat pertama dalam setiap perenggan.

e. Teknik Membaca Secara Imbasan

Teknik membaca secara imbasan digunakan untuk mendapatkan satu perkataan/maklumat khusus di dalam sesebuah teks. Apabila menggunakan teknik imbasan pelajar diperlukan untuk membaca dengan pantas sambil mencari perkataan/maklumat khusus yang diperlukan.

Ketika menggunakan teknik imbasan, perkara-perkara yang harus diberikan perhatian ialah:

- perkataan-perkataan seperti ‘pertama’, ‘kedua’ dan ‘seterusnya’;
- perkataan yang berhuruf tebal, berhuruf condong dan berlainan warna atau saiz; dan
- idea/perkara yang diletakkan di bahagian tepi teks.

f. Teknik Simulasi

Teknik simulasi ditakrifkan sebagai suatu situasi yang diwujudkan hampir menyerupai keadaan sebenar. Pelajar diperlukan untuk berinteraksi sesama sendiri berdasarkan peranan masing-masing bagi membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah, isu atau tugas yang diberikan.

Dalam proses ini, pelajar berpeluang mengalami sendiri situasi dan masalah yang telah diberikan dan dapat membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah tersebut berdasarkan maklumat-maklumat yang diperoleh melalui temu ramah dengan watak-watak lain dalam situasi tersebut. Pelajar digalakkan memberikan



pendapat, cadangan, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah berdasarkan tugasan yang diberikan.

Melalui teknik ini, pelbagai kemahiran seperti kemahiran lisan, membaca dan menulis dapat digabungkan lantas membolehkan pelajar untuk mempertingkatkan kemahiran tersebut.

g. Teknik Permainan Bahasa

Teknik Permainan Bahasa memberikan peluang kepada pelajar memperoleh latihan intensif, pembelajaran bermakna dan sebagai alat diagnostik untuk guru. Teknik ini boleh digunakan sebagai alat pemulihan, pengukuhan dan pengayaan. Teknik ini memerlukan pelajar untuk menggunakan pelbagai kemahiran seperti kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Teknik ini merangsang interaksi lisan pelajar di samping mempertingkatkan kefasihan dan keyakinan diri pelajar. Selain itu, teknik ini juga dapat membuat pembelajaran lebih menyeronokkan dan menimbulkan minat dalam diri pelajar untuk terus belajar.

h. Teknik Soal Jawab

Teknik Soal Jawab membolehkan guru dan pelajar berinteraksi secara berkesan. Soalan yang terancang dan bermutu dapat menajamkan pemikiran pelajar di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih dinamik dan menggalakkan penglibatan pelajar.

Tujuan utama teknik ini ialah:

- mengesan pemahaman pelajar;
- menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif;
- mendorong pelajar menyusun, menghuraikan dan menganalisis bahan atau perkara yang dipelajari;
- menggalakkan pembelajaran berdasarkan inkuiiri;
- membina pengetahuan pelajar; dan
- membantu pelajar membina kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

Teknik ini dilaksanakan dengan cara guru mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan isi pelajaran dan pelajar dikehendaki memberikan tindak balas yang sewajarnya.

Guru boleh menggunakan soalan-soalan Socratic untuk bertanya pelajar. Namun, soalan-soalan tersebut perlulah sesuai dengan keupayaan dan kesediaan pelajar.

Ada enam jenis soalan Socratic:

Jenis Soalan	Contoh Soalan
Soalan untuk mendapatkan penjelasan	<ul style="list-style-type: none">◦ Apakah kaitan perkara/isu ini dengan perbincangan pada hari ini?◦ Bolehkah kamu memberikan contoh?◦ Bolehkah kamu merumuskan/meringkaskan perkara yang dibincangkan?

Jenis Soalan	Contoh Soalan
Soalan untuk meneliti andaian.	<ul style="list-style-type: none"> ◦ Apakah sumber bagi idea atau informasi yang dikemukakan? ◦ Bagaimanakah menguji kebenaran atau menyangkal andaian tersebut? ◦ Apakah perkara yang kamu andaikan? ◦ Bolehkah kamu menyokong andaian kamu? ◦ Adakah andaian selalu berlaku?
Soalan untuk mencungkil bukti dan sebab.	<ul style="list-style-type: none"> ◦ Apakah contoh/bukti yang boleh diberikan? ◦ Apakah yang kamu dapat perhatikan dalam eksperimen/demonstrasi tersebut? ◦ Mengapakah kamu fikir perkara itu benar? ◦ Apakah alasan kamu bagi menyokong pendapat itu?
Soalan mengenai pandangan dan perspektif.	<ul style="list-style-type: none"> ◦ Apakah alternatif lain bagi pandangan tersebut? ◦ Mengapakah kamu berpandangan demikian? ◦ Bolehkah orang lain melihat perkara ini dari sudut lain?
Soalan untuk mencungkil implikasi.	<ul style="list-style-type: none"> ◦ Apakah yang kamu maksudkan? Apakah yang boleh kamu rumuskan daripada pemerhatian ini? ◦ Apakah yang kamu jangkakan berlaku seterusnya? ◦ Apakah implikasi yang kamu jangkakan?
Soalan mengenai soalan yang diberikan.	<ul style="list-style-type: none"> ◦ Apakah tujuan soalan ini? ◦ Mengapakah soalan ini dikemukakan? ◦ Bagaimanakah kita boleh mengesannya? ◦ Mengapakah soalan ini penting?



i. Teknik Drama

Teknik drama dapat melatih pelajar menggunakan unsur bahasa, unsur paralinguistik (jeda, nada dan intonasi) dan bukan linguistik (termasuk mimik muka, gerak tangan dan kepala) dengan berkesan dalam sesuatu interaksi bahasa atau perbuatan.

Teknik drama dapat mendorong pelajar untuk menghubungkan perasaan pelajar dengan mata pelajaran yang dipelajarinya. Selain itu, teknik ini memberikan peluang kepada pelajar untuk meluahkan sesuatu, membuat penemuan dan berkongsi sesuatu.

Teknik ini dapat menimbulkan kesorongan dan keberkesan pembelajaran pelajar di samping menyuburkan perkembangan emosi pelajar.

Salah satu aktiviti yang menggunakan teknik drama ialah ‘kerusi panas’. Di dalam aktiviti ‘kerusi panas’, pelajar memainkan peranan sebagai salah seorang watak dalam sebuah cerita. Pelajar-pelajar lain akan menemu ramah pelajar tersebut mengenai latar belakang, sikap dan motivasi watak yang dimainperanakan. Di dalam aktiviti *Freeze Frame* pula, pelajar melakonkan aksi salah satu babak dalam sebuah cerita. Setelah beberapa minit, pelajar tersebut akan berhenti berlakon secara tiba-tiba dan pelajar lain harus meramalkan aksi selanjutnya.

j. Teknik Perbincangan

Teknik perbincangan melibatkan perbualan antara guru dengan pelajar atau pelajar dengan pelajar di dalam kelas. Perkara yang diperkatakan ialah isu atau tajuk yang menjadi persoalan. Perbincangan tersebut boleh mengandungi cadangan, fakta, pendapat, pengalaman dan lain-lain yang disumbang untuk menyelesaikan masalah.

Melalui teknik perbincangan, pelajar boleh dilatih untuk memberikan pendapat yang bernalas dengan menggunakan bahasa yang teratur dan mudah difahami oleh orang lain. Di samping itu, pelajar juga boleh dilatih untuk mendengar dan menghormati pendapat rakan-rakan yang lain walaupun tidak sealiran dengan pandangan mereka sendiri.


Langkah-langkah untuk melaksanakan teknik perbincangan sesi *buzz* adalah seperti berikut:

Langkah 1

- Guru menerangkan tajuk yang hendak dibincangkan.
- Pelajar dibahagi kepada beberapa kumpulan kecil.
- Pengerusi dan pencatat bagi setiap kumpulan dilantik.
- Kumpulan kecil duduk dalam bentuk bulatan atau ladang kuda.

Langkah 2

- Pengerusi merangsang setiap anggota kumpulan untuk memberikan pendapat mereka.
- Setelah ahli kumpulan memberikan pendapat dan jika pendapat itu dipersetujui oleh kumpulan, pencatat akan mencatatkan pendapat tersebut.
- Guru berperanan sebagai fasilitator dan bergerak dari satu kumpulan ke kumpulan yang lain.



Langkah 3

- Setelah masa perbincangan tamat, kumpulan kecil dibubarkan dan pelajar kembali ke tempat duduk asal.
- Setiap pencatat berkongsi pendapat kumpulan masing-masing.
- Guru membuat rumusan dan pelajar mencatatkan isi penting di dalam buku nota.

k. Teknik Inkuiiri

Teknik inkuiiri dikenali sebagai teknik tinjau siasat. Dalam teknik ini, pelajar perlu melalui dan memahami proses soal selidik bagi mendapatkan jawapan bagi masalah yang dikemukakan. Teknik inkuiiri dapat mengembangkan kebolehan berfikir secara reflektif kerana pelajar sering mengemukakan soalan ‘bagaimana’. Oleh itu, teknik ini dapat menimbulkan minat dan meningkatkan daya kreativiti pelajar. Langkah-langkah untuk melaksanakan teknik inkuiiri adalah seperti berikut:

- Langkah 1: Guru atau pelajar mengenal pasti masalah yang ingin diselidiki.
Langkah 2: Pelajar membuat ramalan/andaian mengenai masalah yang telah dikemukakan.
Langkah 3: Pelajar mengumpulkan maklumat untuk menyokong ramalan/andaian yang telah dinyatakan.
Langkah 4: Pelajar menganalisis maklumat yang telah dikumpulkan.
Langkah 5: Pelajar membuat rumusan sama ada untuk menerima atau menolak ramalan/andaian yang telah dinyatakan

I. Teknik Pembelajaran Berasaskan Masalah

Teknik berasaskan masalah memerlukan guru untuk menyediakan satu masalah bagi pelajar memikirkan cara untuk menyelesaiakannya. Masalah tersebut haruslah berasaskan konteks dan menggunakan situasi sebenar. Teknik ini memberikan peluang kepada pelajar untuk menggabungjalinkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari daripada mata pelajaran lain.

Melalui teknik ini, guru dapat mempertingkatkan kemahiran berfikir pelajar seperti menyelesaikan masalah, pemikiran analitik dan kritis. Teknik ini juga boleh merangsang pelajar untuk belajar berpacukan diri dan menimba kemahiran kerja berkumpulan.

Langkah 1:


- Guru mengutarakan masalah yang berdasarkan situasi sebenar.
- Pelajar membaca dan mengenal pasti masalah yang diutarakan.

Langkah 2::

- Pelajar menganalisis masalah yang diberikan.
- Pelajar menjana idea daripada semua ahli kumpulan.
- Pelajar menyusun semua idea secara sistematik dan membuat analisis secara mendalam.

Langkah 3:

- Pelajar mencari dan mengumpul maklumat/sumber.
- Pelajar memilih sumber maklumat dengan cermat.
- Pelajar membuat ringkasan dengan menggunakan ayat sendiri.



Langkah 4:
Pelajar berkongsi dan menggabungkan maklumat yang diperoleh.

m. R.A.F.T.

Teknik ini melibatkan pelajar melalui proses menganalisis dan mensintesis maklumat.

R = Role (Peranan)

A = Audience (Audiens)

F = Format (Format)

T = Topics (Topik)

RAFT adalah strategi yang dapat menggalakkan pelajar memainkan sesuatu peranan berdasarkan audiens untuk berbincang dan menganalisis topik yang dipilih oleh mereka lalu menulis mengenainya berdasarkan format yang telah ditentukan.

Contoh Pelaksanaan:

- Pilih sebuah buku atau satu topik dan kenal pasti objektif membaca atau berbincang mengenai topik yang dipilih. Adakah objektif ini dapat dicapai melalui penulisan?
- Kenal pasti peranan yang akan diambil oleh pelajar apabila mereka menulis mengenai topik tersebut. Misalnya, watak dalam cerita.
- Pastikan audiens dan format yang perlu digunakan untuk menulis. Misalnya audiensnya ialah kanak-kanak, guru atau ibu bapa. Formatnya mungkin dalam bentuk laporan, diari atau bagi ruangan forum.

n. Pusat Minat

Setiap pusat pembelajaran mengandungi informasi, bahan dan keterangan yang berkaitan dengan minat pelajar. Contohnya, pelajar yang berminat dalam bidang muzik boleh mempelajari tokoh-tokoh muzik dari pusat pembelajaran yang berdasarkan minat muzik.

Selanjutnya, pelajar boleh membentuk kumpulan berdasarkan minat yang sama untuk bekerjasama bagi mendapatkan infomasi, mengadakan perbincangan dan menjalankan kajian.


Pusat pembelajaran dan kumpulan berdasarkan minat dapat menggalakkan pelajar mengembangkan minat mereka dalam sesuatu bidang.

o. Pendekatan Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran koperatif merujuk kepada penggunaan kaedah kumpulan-kumpulan kecil bagi memaksimumkan hasil pembelajaran, sama ada secara berpasangan atau kumpulan bagi mencapai sesuatu objektif yang ditetapkan bersama. Teknik ini dapat menghasilkan pencapaian dan produktiviti yang lebih tinggi dan memupuk sifat penyayang, kerjasama dan hubungan yang erat.

Prinsip utama di sebalik teknik ini ialah pelajar perlu sedar bahawa peranan setiap ahli dalam kumpulan amat penting bagi menentukan kejayaan kumpulan.

Berikut ialah beberapa contoh teknik pembelajaran koperatif.



i. Berfikir – Berpasang – Berkongsi

- Langkah 1: Setiap pelajar dalam kumpulan berfikir secara individu mengenai tugas yang diberikan.
- Langkah 2 : Kerja berpasangan – pelajar A berkongsi dengan pelajar B; pelajar C berkongsi dengan pelajar D.
- Langkah 3: Berkongsi dengan kelas. Salah seorang anggota kumpulan menyampaikannya.

ii. Berfikir – Berpasang – Berempat


- Langkah 1: Setiap pelajar dalam kumpulan berfikir secara individu mengenai tugas yang diberikan.
- Langkah 2: Kerja berpasangan – pelajar A berkongsi dengan pelajar B; pelajar C berkongsi dengan pelajar D.
- Langkah 3: Setiap pelajar berkongsi dengan kumpulan.

iii. Bergaul – Berpasang – Berkongsi

- Langkah 1: Guru meminta pelajar berdiri di sisi meja masing-masing.
- Langkah 2: Guru memainkan rakaman irama muzik yang rancak. Para pelajar bergaul, berjalan di sekitar kawasan bilik darjah. Pelajar tidak dibenarkan bercakap.
- Langkah 3: Guru menghentikan muzik. Pelajar berpasangan dengan rakan yang paling dekat dengan mereka. Guru menegaskan bahawa pelajar tidak boleh memilih pasangan mereka. Sebaliknya harus berpasangan dengan rakan yang paling dekat dengan mereka sahaja.
- Langkah 4: Pelajar berdiri membelaikan rakan mereka. Guru mengajukan soalan kepada pelajar dan memberikan masa untuk berfikir.
- Langkah 5: Pelajar berpaling untuk menghadap rakan. Pelajar berbincang tentang soalan yang diajukan oleh guru.
- Langkah 6: Guru memainkan rakaman irama muzik sekali lagi (jika perlu) supaya pelajar bergabung dengan pasangan yang baharu.

iv. Penyiasatan Berkumpulan

- Langkah 1: Guru mengemukakan satu masalah yang mencabar. Pelajar juga boleh membentuk masalah.
- Langkah 2: Kumpulan kecil dibentuk untuk menyiasat aspek-aspek yang berlainan tentang masalah tersebut.
- Langkah 3: Setiap kumpulan merancang cara-cara untuk melaksanakan siasatan.
- Langkah 4: Setiap kumpulan melaksanakan tugas sebagaimana yang dirancang oleh ahli kumpulan.
- Langkah 5: Kumpulan mempersempahkan laporan akhir kepada kelas.
- Langkah 6: Semua pelajar membuat penilaian.



v. Meja Bulat

Teknik ini digunakan untuk memberikan peluang kepada semua pelajar dalam kumpulan menyumbangkan idea atau pendapat.

- Langkah 1: Hanya sekeping kertas digunakan bagi setiap kumpulan.
- Langkah 2: Setiap pelajar bergilir-gilir menulis satu jawapan atau memberikan idea apabila sekeping kertas dan sebatang pensil diedarkan dalam kumpulan.

Dengan cara ini, ahli-ahli kumpulan menunggu sehingga mereka mendapat kertas sebelum menulis. Ahli kumpulan tidak dibenarkan melangkau gilirannya kerana kertas itu akan diedarkan mengikut pusingan jam.

vi. Meja Bulat Serentak

- Langkah 1: Guru mengemukakan persoalan yang mempunyai beberapa jawapan yang munasabah.
- Langkah 2: Setiap pelajar menulis respons secara individu dalam kumpulan masing-masing.
- Langkah 3: Pelajar menghulurkan kertas berisi catatan kepada rakan di sebelah mengikut putaran jam supaya rakan boleh memberikan respons tambahan.

vii. Pasangan Menyemak

- Langkah 1: Kumpulan 4 orang pelajar dibentuk dengan berjabat tangan. Kumpulan ini berpecah kepada berpasangan.
- Langkah 2: Seorang ahli menulis atau menyelesaikan masalah. Ahli lain memerhati dan memberikan maklum balas, huraihan dan pujian.
- Langkah 3: Ahli pasangan bertukar peranan dan setelah kedua-dua pasangan ini selesai, mereka membuat semakan. Jika persetujuan dicapai, mereka berjabat tangan dengan gaya dan cara pasukan masing-masing.

viii: Pembelajaran Koperatif Jigsaw

Teknik ini menegaskan pengkhususan peranan bagi setiap ahli kumpulan.

- Langkah 1: Setiap ahli kumpulan berpecah untuk membentuk kumpulan pakar dan berbincang tentang topik atau tugas yang diberikan.
- Langkah 2: Selesai perbincangan dalam kumpulan pakar, ahli kumpulan tersebut kembali kepada kumpulan asal dan memberikan maklum balas tentang perkara yang dibincangkan dalam kumpulan pakar.
- Langkah 3: Pelajar mendapat maklum balas yang pelbagai daripada kumpulan pakar. Peranan setiap ahli kumpulan amat penting dalam memberikan gambaran sepenuhnya tentang perkara atau topik yang dipelajari.



ix. *Rally Robin*

- Langkah 1: Setiap kumpulan mengandungi empat orang: pelajar A, pelajar B, pelajar C dan pelajar D.
- Langkah 2: Pelajar berbual dengan rakan sebelah atau rakan setentang.
- Langkah 3: Setiap pelajar hanya memberikan satu idea pada satu masa dan dilakukan secara bergilir-gilir.
- Langkah 4: Guru mengawal masa perbualan dan memastikan setiap pelajar mengambil bahagian atau memberikan pendapat mereka.
- Langkah 5: Guru merumuskan pelajaran dengan mendapatkan pandangan daripada setiap kumpulan.

x. *Round Robin*

- Langkah 1: Setiap kumpulan mengandungi empat orang: pelajar A, pelajar B, pelajar C dan pelajar D.
- Langkah 2: Pelajar A bercakap, rakan lain mendengar. Kemudian pelajar B bercakap dan seterusnya pelajar C dan pelajar D.
- Langkah 3: Setiap pelajar hanya memberikan satu idea pada satu masa dan dilakukan secara bergilir-gilir.
- Langkah 4: Guru mengawal masa perbualan dan memastikan setiap pelajar mengambil bahagian atau memberikan pendapat mereka.
- Langkah 5: Guru merumuskan pelajaran dengan mendapatkan pandangan daripada setiap kumpulan.

xi. Temu Bual Tiga Langkah

Langkah 1: Membentuk Kumpulan

Pelajar membentuk kumpulan, sebaiknya empat orang sekumpulan. Jumlah setiap kumpulan bergantung pada jumlah pelajar dalam kelas. Tiap anggota dalam kumpulan diberikan nama A, B, C, D, dan seterusnya.

Langkah 2: Temu Bual Tiga Langkah

Pelajar A menemu bual Pelajar B;
Pelajar C menemu bual Pelajar D.

Langkah 3: *Round Robin*

Setelah semua pelajar dalam kumpulan berpeluang menemu bual rakan mereka, langkah ketiga boleh dijalankan.

- Pelajar A memberitahu Pelajar C dan D tentang Pelajar B.
- Pelajar B memberitahu Pelajar C dan D tentang Pelajar A.
- Pelajar C memberitahu Pelajar A dan B tentang Pelajar D.
- Pelajar D memberitahu Pelajar A dan B tentang Pelajar C.

Jika masih ada waktu, guru boleh meminta salah seorang ahli dalam kumpulan untuk menerangkan tentang salah seorang anggota dalam kumpulan mereka kepada kelas. Contohnya, Pelajar A dalam kumpulan boleh berkongsi maklumat tentang Pelajar C yang diperolehnya daripada Pelajar D.

xii. *Circle the Sage*

- Langkah 1: Guru mengenal pasti pelajar-pelajar yang mempunyai pengetahuan khas yang boleh dikongsi bersama pelajar lain.
- Langkah 2: Pelajar-pelajar yang mempunyai pengetahuan ini (*sages*) akan berdiri di sekitar bilik darjah.



- Langkah 3: Hanya dua orang anggota bagi setiap kumpulan harus mendapatkan maklumat daripada sage ini pada sesuatu masa.
- Langkah 4: Para pelajar pulang ke kumpulan masing-masing dan berkongsi maklumat dengan ahli kumpulan. Mereka akan membandingkan catatan/nota/maklumat kerana mereka telah belajar daripada sage yang berbeza.
- Langkah 5: Ahli kumpulan akan mencapai kata sepakat sebagai satu kumpulan.
- Langkah 6: Kumpulan-kumpulan ini berbincang di dalam kelas.

p. Teknik Pemadatan Kurikulum

Pemadatan kurikulum bermaksud menilai pengetahuan, kemahiran dan sikap pelajar serta memberikan aktiviti alternatif kepada pelajar yang telah memperoleh kandungan kurikulum yang ingin diajarkan oleh guru. Pemadatan dilakukan melalui tiga tahap:

- Pada tahap pertama, guru mengenal pasti kumpulan pelajar yang boleh melalui proses pemadatan dan menilai apa yang diketahui atau yang tidak diketahui mereka mengenai sesuatu topik atau pelajaran. Kumpulan pelajar ini dikecualikan daripada pengajaran dan aktiviti ala kelas mengenai kandungan yang telah difahami oleh mereka.
- Pada tahap kedua, guru mencatatkan kemahiran atau pemahaman yang belum diperoleh oleh pelajar dan merancang untuk memastikan pelajar memperoleh kemahiran atau pemahaman tersebut.
- Pada tahap ketiga, guru dan pelajar merancang penyelidikan atau kajian ataupun projek yang akan dihasilkan oleh pelajar. Matlamat projek, garis waktu, langkah-langkah (prosedur) menyelesaikan tugas, kriteria penilaian dan sebagainya harus diambil kira.

q. Kontrak Pembelajaran


Kontrak pembelajaran ialah persetujuan antara guru dengan pelajar. Kontrak ini boleh mengandungi pembelajaran yang berbentuk kandungan bahasa atau pencapaian kemahiran tertentu. Berdasarkan kesediaan, keperluan dan kemampuan pelajar, guru dan pelajar melakarkan perancangan bagi satu minggu, menentukan tugas yang akan diselesaikan di sekolah dan di rumah, tahap kemajuan/pencapaian yang ingin dicapai dan garis waktu yang diperlukan. Guru boleh mengadakan sesi persidangan atau pertemuan antara kumpulan kecil ataupun secara individu mengikut kemajuan atau keperluan pelajar untuk memantau perkembangan tugas pelajar.

r. Tugasan Bertingkat

Tugasan boleh dibahagikan kepada 3 tingkat, contohnya:

Tingkat 1 (bagi pelajar lemah keupayaannya):

- Pelajar membaca bahagian yang diserlahkan dalam teks;
- Pelajar mengenal pasti perkataan yang tidak difahami;
- Pelajar mencari makna di dalam kamus; dan
- Pelajar memilih makna perkataan yang sesuai dengan konteks.



Tingkat 2 (bagi pelajar sederhana keupayaannya):

- Pelajar membaca teks yang diberikan;
- Pelajar mengenal pasti perkataan sukar yang tidak difahami;
- Pelajar membuat telahan tentang makna perkataan berdasarkan konteks; dan
- Pelajar menyemak kamus untuk memastikan ketepatan jawapan.

Tingkat 3 (bagi pelajar cemerlang keupayaannya):

- Pelajar membaca teks yang diberikan;
- Pelajar mengenal pasti perkataan sukar yang tidak difahami;
- Pelajar membuat telahan tentang makna perkataan berdasarkan konteks;
- Pelajar memberikan bukti bagi jawapan; dan
- Pelajar menyemak kamus untuk memastikan ketepatan jawapan.

s. 4-MAT

Sistem model 4MAT ialah satu model mengajar yang memberikan perhatian kepada pelajar-pelajar yang berbeza. Sistem model 4MAT menentukan guru mengajar dengan berdasarkan keempat-empat gaya pembelajaran pelajar dan menggunakan aktiviti-aktiviti yang boleh mengembangkan otak kiri dan otak kanan seseorang pelajar. Dalam model sistem 4-MAT terdapat 4 jenis pelajar:


- i. imaginatif
- ii. analitik
- iii. praktik
- iv. dinamik

Pelajar imaginatif suka belajar menggunakan deria dan berkongsi idea. Pelajar analitik pula suka belajar dengan memikirkan idea-idea baharu. Pelajar praktik suka menguji teori dan pelajar dinamik suka belajar secara cuba jaya dan penemuan secara individu.

Guru boleh memberikan tugas berdasarkan jenis gaya pembelajaran pelajar tersebut untuk membantu pelajar memaksimumkan potensi mereka.

RUMUSAN TEKNIK DAN CONTOH

Teknik	Contoh Aktiviti
Simulasi	<ul style="list-style-type: none">• Main Peranan
Permainan Berbahasa	<ul style="list-style-type: none">• Teka silang kata• Teka-teki• Sahiba• Kuiz• Maze• Puzzle
Soal Jawab	<ul style="list-style-type: none">• Socratic



Drama	<ul style="list-style-type: none">• Pantomim• ‘Kerusi Panas’• Mengimbas Kembali• <i>Freeze Frame</i>
Pembelajaran Koperatif	<ul style="list-style-type: none">• Berfikir – Berpasang- Berkongsi• Berfikir – Berpasang – Berempat• Penyiasatan Berkumpulan• Meja Bulat• Pasangan Menyemak• Pembelajaran Koperatif Jigsaw• <i>Rally Robin</i>• <i>Round Robin</i>• Temu Bual Tiga Langkah
Perbincangan	<ul style="list-style-type: none">• Sesi <i>Buzz</i>• Perbahasan• Forum
Penyampaian	<ul style="list-style-type: none">• Ucapan• Ulasan• Melaporkan Berita



3.4 PENGAJARAN PROGRAM DAN PENGAJARAN

Perancangan Program dan Pengajaran

Perancangan yang teliti dan rapi amat diperlukan bagi menentukan pelaksanaan program yang berkesan. Justeru, aktiviti yang berlaku di dalam bilik darjah terkawal; motivasi pelajar dapat dipertingkatkan dan pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Dengan yang demikian, objektif pengajaran dan pembelajaran boleh dicapai.

Semua guru yang mengajarkan Bahasa Melayu (Program Khas) di setiap sekolah haruslah bekerjasama dalam merancang program Bahasa Melayu (Program Khas) agar aspek-aspek pengajaran seperti objektif, kandungan pelajaran, strategi, aktiviti dan penilaian dapat ditentukan bersama-sama. Ketika merancang, objektif pelajaran dan masa kurikulum yang diperuntukkan dan aspek penilaian perlu diambil kira.

Guru digalakkan supaya menyediakan perancangan program Bahasa Melayu (Program Khas) dengan teliti agar dapat menentukan aspek-aspek pengajaran, iaitu objektif, isi, strategi, aktiviti dan penilaian.

a. Penentuan Objektif

Objektif pelajaran penting dan perlu ditentukan selaras dengan kemahiran bahasa yang hendak dicapai dalam satu-satu pelajaran. Antara objektif pelajaran itu termasuklah kemahiran mendengar dengan teliti, bertutur dengan lancar dan yakin seperti memberikan pandangan dan mengemukakan hujah, membaca dan memahami serta memberikan respons dengan jelas dan sesuai sama ada secara verbal atau bertulis.

b. Aspek Penilaian

Dalam membuat perancangan, guru perlu menyertakan bentuk penilaian yang akan digunakan. Penilaian yang dijalankan sama ada secara formal atau tidak formal haruslah dapat memberikan gambaran yang jelas tentang kemajuan pelajar dan keberkesanan pengajaran yang dijalankan. Hal ini penting kerana informasi yang dikumpulkan dapat membantu guru mempertingkatkan mutu pengajaran di samping membantu pelajar mengenal pasti tindakan susulan sekiranya perlu untuk memperbaik kelakonan mereka.

c. Masa Pengajaran

Masa pengajaran bagi sesuatu pelajaran perlu ditetapkan agar guru dapat memaksimumkan pembelajaran dalam jangka waktu yang ditentukan. Sehubungan dengan hal tersebut, perancangan pengajaran atau skema kerja bagi satu semester atau satu tahun dapat disediakan dengan sebaik-baiknya. Jadual yang berikut ialah masa kurikulum bagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) di peringkat menengah selama seminggu. Bagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Program Khas), kelas bagi setiap peringkat disarankan dengan masa kurikulum selama 4 jam. Hal ini membolehkan guru memberikan pendedahan maksimum kepada pelajar. Namun, jumlah masa kurikulum yang diberikan merupakan satu garis panduan. Sekolah boleh melakukan penyesuaian jumlah masa kurikulum bagi program ini berdasarkan keperluan pelajar.



Perancangan program bagi Bahasa Melayu (Program Khas) juga harus merangkumi perancangan pengajaran berikut:

a. Pemulihan

Aktiviti pemulihan merupakan langkah khusus untuk membantu pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran bahasa di sekolah. Guru harus merancang dan menjalankan aktiviti alternatif termasuk latihan-latihan tertentu untuk membantu pelajar menguasai sesuatu kemahiran atau memahami sesuatu konsep dengan lebih jelas. Guru juga harus menilai kejayaan program pemulihan itu untuk mengetahui kemajuan pelajar dan mengambil tindakan susulan.

b. Pengukuhan

Pengajaran pengukuhan dapat memantapkan lagi pemahaman dan penguasaan bahasa pelajar. Pengajaran pengukuhan dapat dilakukan dalam pelbagai cara, sesuai dengan kemahiran yang ingin dikukuhkan dan objektif pengajaran dan pembelajaran.

c. Pengayaan

Aktiviti pengayaan bahasa boleh meluaskan pengetahuan dan pengalaman pelajar. Aktiviti ini haruslah lebih mencabar sesuai dengan keperluan dan keupayaan pelajar. Guru boleh menjalankan aktiviti pengayaan secara tidak formal atau secara berstruktur bergantung pada sumber dan prasarana yang terdapat di sekelilingnya. Perkembangan teknologi dan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi memberikan lebih banyak alternatif bagi guru melaksanakan aktiviti pengayaan.

Guru juga boleh menganjurkan aktiviti lawatan sambil belajar ke institusi atau tempat-tempat tertentu sama ada di dalam atau di luar negara untuk meluaskan pengalaman pembelajaran pelajar. Aktiviti lawatan sambil belajar ini memberikan peluang kepada pelajar terlibat secara aktif dan mengalami sendiri perkara yang dipelajarinya. Pengalaman ini membolehkan pelajar membina sendiri makna dan kefahaman mereka dalam proses pembelajaran dan guru menjadi pembimbing untuk membantu pelajar.

Salah satu aktiviti pengayaan yang dapat memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar ialah aktiviti bacaan. Melalui aktiviti bacaan pelajar boleh meluaskan kosa kata dan meningkatkan kemahiran bertutur dan menulis. Selain itu, pelajar boleh dirangsang untuk membaca bagi menambah ilmu dan mengembangkan keupayaan dan pemikiran bagi memahami perasaan, pandangan dan fikiran orang lain. Pelajar juga diharap akan dapat memupuk minat membaca dan meneruskan amalan membaca setelah pelajar tamat persekolahan.

Selain aktiviti yang telah diterangkan, perkhemahan bahasa yang memuatkan aktiviti-aktiviti bahasa dan budaya boleh dijalankan di peringkat sekolah, kelompok atau zon. Bengkel atau ceramah mengenai pembelajaran bahasa boleh juga dianjurkan bagi tujuan memupuk minat dan meningkatkan kemahiran pelajar.



BAHAGIAN 4

PENILAIAN

Penilaian merupakan salah satu aspek penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti penilaian yang berterusan membolehkan guru mendapatkan dan mengumpulkan maklumat tentang keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di bilik darjah. Penilaian ini dapat membantu pelajar mempertingkatkan kelakonan dalam pelajaran. Selain itu, penilaian ini juga dapat memberikan maklum balas yang kualitatif tentang kemajuan pelajar. Dengan yang demikian, keupayaan dan keperluan pelajar dalam pembelajaran dapat dikenal pasti dan tindakan susulan dapat dilaksanakan dengan segera. Selanjutnya, guru dapat merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan bagi memenuhi keperluan pelajar.


Sesuatu penilaian yang dijalankan harus mencerminkan matlamat Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (Program Khas) yang ditetapkan. Pada akhir pendidikan sekolah menengah, penilaian yang digunakan harus berupaya memberikan gambaran sebenar tentang kebolehan pelajar menunjukkan keterampilan berbahasa dan keupayaan berkomunikasi secara berkesan. Penilaian harus juga dapat mencerminkan kebolehan pelajar menyampaikan maklumat, idea dan perasaan selain dapat berfikir secara kritis dan kreatif.

4.1 MAKSUD PENILAIAN

Penilaian merujuk kepada semua aktiviti yang dijalankan oleh guru dan pelajar untuk memberikan maklumat atau maklum balas dalam menilai kelakonan mereka. Maklumat tersebut digunakan untuk mengubah suai kegiatan pengajaran dan pembelajaran. Penilaian dapat mentafsirkan maklumat yang diperoleh bagi menjawab persoalan penting seperti sejauh mana pelajar telah mempelajari sesuatu yang telah diajarkan. Selain itu, penilaian berfungsi sebagai satu wadah untuk memberikan maklumat kepada pelajar tentang kelakonan mereka untuk membantu mereka meningkatkan pencapaian dalam pelajaran.

4.2 PENILAIAN PEMBELAJARAN DAN PENILAIAN UNTUK PEMBELAJARAN

Penilaian Pembelajaran atau Penilaian Sumatif (AoL) merujuk kepada penilaian yang dijalankan untuk mengukur sejauh mana hasil pembelajaran dalam kurikulum sudah tercapai. AoL digunakan untuk tujuan tertentu seperti, menentukan gred, kedudukan pelajar dan pensijilan. Oleh itu, AoL berbentuk sumatif dan selalunya dijalankan pada akhir satu unit, akhir semester atau tahun. Penilaian untuk Pembelajaran (AfL) pula merujuk kepada cara penilaian yang menyokong pembelajaran. Penilaian ini digunakan untuk memastikan pelajar dapat menguasai matlamat pembelajaran. Oleh itu, penilaian ini berbentuk formatif, dilaksanakan di dalam bilik darjah dan proses ini diterapkan dalam pengajaran secara berterusan. Sukatan pelajaran sekolah menengah menyokong pelaksanaan Penilaian Pembelajaran dan Penilaian untuk Pembelajaran. Untuk memastikan sesuatu penilaian itu lebih bermakna, keseimbangan dalam pelaksanaan kedua-dua jenis penilaian ini perlulah dicapai.



4.3 PENILAIAN UNTUK PEMBELAJARAN

Penilaian untuk pembelajaran dilakukan untuk membantu pelajar dan guru mengetahui:

- di mana tahap pembelajaran pelajar;
- di mana arah tuju pelajar; dan
- bagaimana caranya pelajar dapat mencapai arah yang disasarkan.

Dalam pengajaran yang melibatkan penilaian yang menyokong pembelajaran, guru perlu mengambil kira pedagogi dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Antara perkara yang perlu dilakukan bagi guru mengintegrasikan penilaian dengan pengajaran adalah seperti yang berikut:

- menjelaskan dan berkongsi matlamat-matlamat pembelajaran dan jangkaan dengan pelajar;
- wewujudkan perbincangan, soalan-soalan, aktiviti dan tugas yang berkesan di dalam bilik darjah;
- memberikan maklum balas agar pelajar dapat mengenal pasti cara mencapai matlamat yang diinginkan;
- menggalakkan pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka; dan
- merangsang pelajar-pelajar belajar daripada satu sama lain.

Dalam penilaian untuk pembelajaran, maklum balas berterusan tentang kelakonan pelajar merupakan satu perkara yang penting. Maklum balas ini berdasarkan pemerhatian yang dilakukan dalam bilik darjah tentang cara pelajar belajar dan apa yang dipelajarinya. Maklum balas ini dapat membantu pelajar mengetahui sejauh mana tahap pemahaman mereka tentang pembelajaran mereka dan mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi. Dengan maklum balas tersebut, guru dapat memberikan cadangan kepada pelajar tentang langkah-langkah susulan yang perlu diambil. Hal ini akan dapat mewujudkan suasana bilik darjah yang positif untuk pembelajaran.



4.4 KITARAN PENILAIAN DAN MAKLUM BALAS DENGAN PEMBELAJARAN


Kitaran Penilaian dan Maklum Balas dengan Pembelajaran yang berikut menunjukkan proses-proses yang perlu dilalui oleh guru apabila mengintegrasikan penilaian dan merancang pelajaran.



Kitaran Penilaian dan Maklum Balas dengan Pembelajaran

Soalan-soalan berikut berkaitan dengan gambar rajah di atas dan dapat membantu guru mengintegrasikan penilaian dengan pengajaran:

- Apakah yang ingin saya ketahui tentang pembelajaran pelajar saya?
- Apakah hasil pembelajaran yang ingin saya capai?
- Bagaimanakah dapat saya merancang perbincangan, soalan, aktiviti dan tugas yang berkesan agar dapat menyokong pembelajaran pelajar saya?
- Bagaimanakah boleh saya merancang pelajaran yang membolehkan pelajar belajar secara berperingkat?
- Apakah bukti yang perlu saya kumpulkan untuk menunjukkan bahawa pelajar saya telah mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan?
- Apakah jenis penilaian yang dapat membantu saya mendapatkan bukti tersebut?
- Bagaimanakah dapat saya membantu pelajar maju dalam pembelajaran dan meningkatkan kebolehan saya mengajar?
- Apakah penilaian yang boleh meningkatkan pembelajaran pelajar saya?



4.5 KAE DAH DAN STRATEGI PENILAIAN

Guru perlu menggunakan kaedah yang pelbagai untuk mengumpulkan maklumat. Maklumat yang dikumpulkan boleh membantu guru mengetahui tahap pencapaian pelajar mereka. Kaedah-kaedah tersebut termasuklah pemerhatian dan penyoalan dalam pengajaran sehari-hari sehingga ujian formal dan berstruktur. Dengan menggunakan pelbagai kaedah ini, guru akan dapat mengumpulkan data yang diperlukan bagi mengukur pencapaian pelajar dalam pembelajaran. Yang berikut merupakan beberapa cadangan bagi penilaian dalam bilik darjah yang boleh membantu guru:

- soalan berstruktur;
- penyoalan secara lisan;
- ulasan buku;
- portfolio;
- kerja projek secara kumpulan;
- penilaian berdasarkan penyampaian;
- penilaian kendiri dan penilaian rakan sebaya;
- jurnal;
- persidangan;
- ujian pena dan kertas.

Dalam sesuatu penilaian, tiada terdapat satu kaedah yang khusus. Keberkesanannya sesuatu kaedah bergantung kepada tujuan penilaian. Satu kaedah akan lebih cenderung kepada penilaian sumatif jika tujuannya adalah untuk memberikan pelajar gred dan kedudukan, sementara satu lagi cenderung kepada penilaian formatif jika tujuan penilaian adalah untuk menggalakkan pembelajaran.

Oleh itu, guru perlu mengimbangkan kedua-dua penilaian ini dengan menggunakan pelbagai kaedah penilaian dengan tujuan yang tepat lagi jelas. Selain ujian dan peperiksaan, interaksi sehari-hari antara pelajar dengan guru (contohnya: menyoal, penyampaian lisan dan melaksanakan tugas) memberikan peluang kepada guru untuk mengukur kelakonan pelajar. Dengan ini, guru dapat memberikan gambaran yang komprehensif tentang tahap pencapaian dan pembelajaran para pelajar dan melakukan usaha susulan bagi meningkatkan pembelajaran pelajar.

Rujuk kepada **Lampiran E** untuk beberapa contoh alat penilaian yang boleh digunakan di dalam bilik darjah.



LAMPIRAN A

HASIL PEMBELAJARAN

HASIL PEMBELAJARAN PERINGKAT MENENGAH 2 DAN MENENGAH 4**1. KEMAHIRAN MENDENGAR**

Mendengar dan memahami pelbagai bentuk teks bagi menjalankan tindak balas secara lisan atau bukan lisan.

MENENGAH 2	MENENGAH 4	
HASIL PEMBELAJARAN UMUM	HASIL PEMBELAJARAN UMUM	
Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap pelbagai teks prosa dan puisi tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat dan negara.	Mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap pelbagai teks prosa dan puisi tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau.	
HASIL PEMBELAJARAN KHUSUS	HURAIAN HASIL PEMBELAJARAN	
	MENENGAH 2	MENENGAH 4
1.1 Memahami dan menyatakan pelbagai maklumat dengan betul	<ul style="list-style-type: none"> a) menyampaikan pelbagai maklumat tentang sesuatu perkara dengan tepat dan jelas b) memberikan idea utama dan idea sampingan tentang maklumat yang didengar c) menjawab soalan tentang maklumat yang didengar dengan betul 	<ul style="list-style-type: none"> a. menyampaikan pelbagai maklumat tentang sesuatu perkara dengan lancar dan spontan b) memberikan idea utama dan idea sampingan tentang maklumat yang didengar untuk membuat ramalan c) menjawab soalan tentang maklumat yang didengar secara spontan

<p>1.2 Memahami pelbagai maklumat dan memberikan respons yang sesuai menggunakan bahasa yang betul</p>	<ul style="list-style-type: none"> a) memparafrasa maklumat yang didengar dengan tepat dan jelas b) menyusun maklumat yang didengar mengikut urutan c) membuat refleksi dan memberikan komen tentang sesuatu persembahan atau penyampaian d) menyatakan pendapat peribadi tentang topik atau perkara 	<ul style="list-style-type: none"> a) memparafrasa maklumat yang didengar dengan lancar b) menyusun maklumat yang didengar mengikut keutamaan c) membuat refleksi dan memberikan saranan tentang sesuatu persembahan atau penyampaian d) menyatakan pendapat peribadi tentang topik atau perkara dengan alasan yang wajar
--------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

2. KEMAHIRAN BERTUTUR

Bertutur dengan jelas dan lancar sesuai dengan tujuan, khalayak dan konteks dengan menggunakan sebutan baku.		
MENENGAH 2	MENENGAH 4	
HASIL PEMBELAJARAN UMUM	HASIL PEMBELAJARAN UMUM	
Menyampaikan sesuatu perkara dengan jelas tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat dan negara.		
HASIL PEMBELAJARAN	HURAIAN HASIL PEMBELAJARAN	
	MENENGAH 2	MENENGAH 4
2.1 Menceritakan sesuatu perkara yang didengar, dibaca atau dilihat	a) bercerita tentang sesuatu perkara yang didengar, dibaca atau dilihat dengan jelas	a) bercerita tentang sesuatu perkara yang didengar, dibaca atau dilihat dengan lancar s dan spontan
2.2 Menyampaikan sesuatu perkara dengan jelas .	a) memberikan arahan dengan jelas b) melaporkan sesuatu perkara dengan memberikan beberapa butiran dengan jelas c) memberikan pendapat dan saranan yang sesuai d) membuat refleksi dan memberikan komen tentang sesuatu persembahan atau penyampaian	a) memberikan arahan dengan jelas dan tepat b) melaporkan sesuatu perkara, dengan memberikan butiran yang terperinci dengan lancar c) memberikan pendapat dan saranan dengan jelas dan meyakinkan d) membuat refleksi dan memberikan komen tentang sesuatu persembahan atau penyampaian

3. KEMAHIRAN MEMBACA

Membaca pelbagai teks dengan jelas dan betul bagi tujuan pemahaman dan memberikan respons yang sesuai.		
MENENGAH 2	MENENGAH 4	
HASIL PEMBELAJARAN UMUM	HASIL PEMBELAJARAN UMUM	
Membaca dan memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai teks tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat dan negara.	Membaca dan memahami maklumat yang terdapat dalam pelbagai teks tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau.	
HASIL PEMBELAJARAN	HURAIAN HASIL PEMBELAJARAN	
	MENENGAH 2	MENENGAH 4
3.1 Membaca lantang teks prosa dan puisi bagi pelbagai tujuan.	a) membaca lantang pelbagai teks prosa mudah menggunakan sebutan baku dan intonasi yang sesuai b) membaca lantang pelbagai teks puisi mudah menggunakan sebutan baku dan intonasi yang sesuai	a) membaca lantang pelbagai teks dengan lancar menggunakan sebutan baku dan intonasi yang sesuai b) membaca lantang pelbagai teks puisi dengan lancar menggunakan sebutan baku dan intonasi yang sesuai
3.2 Membaca dan memahami pelbagai teks bercetak dan bukan bercetak untuk memberikan respons yang sesuai	a) menerangkan maksud perkataan/frasa dengan menggunakan kamus secara kendiri b) menyatakan idea utama dan idea sampingan yang terdapat dalam teks	a) menerangkan maksud perkataan/frasa dan membuat tekaan berdasarkan konteks b) menyatakan idea utama dan idea sampingan yang terdapat dalam teks dengan penerangan yang mencukupi

	<p>c) mencatatkan maklumat yang diperlukan bagi pelbagai tujuan</p> <p>d) membuat perbandingan tentang maklumat dan memberikan contoh yang sesuai</p> <p>e) menjawab pelbagai soalan tentang teks dengan betul</p> <p>f) membina soalan mudah tentang teks</p> <p>g) menyatakan pendapat tentang topik atau perkara dengan jelas</p>	<p>c) mencatatkan dan menyusun maklumat yang diperlukan bagi pelbagai tujuan</p> <p>d) membuat perbandingan tentang maklumat dan memberikan pandangan peribadi</p> <p>e) menjawab pelbagai soalan tentang teks dengan memberikan contoh yang sesuai dan penjelasan yang munasabah</p> <p>f) membina dan menyusun pelbagai soalan tentang teks</p> <p>g) menyatakan pendapat tentang topik atau perkara dengan jelas dan memberikan respons yang wajar</p>
--	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

4. KEMAHIRAN MENULIS

Menulis pelbagai jenis teks dengan menggunakan bahasa yang betul untuk pelbagai tujuan, khalayak dan konteks.		
MENENGAH 2	MENENGAH 4	
HASIL PEMBELAJARAN UMUM	HASIL PEMBELAJARAN UMUM	
Menulis pelbagai teks naratif, deskriptif dan ekspositori tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat dan negara.		
HASIL PEMBELAJARAN	HURAIAN HASIL PEMBELAJARAN	
	MENENGAH 2	MENENGAH 4
4.1 Menyediakan kerangka dan isi penyampaian sesuai dengan tugasan	a) memilih maklumat yang diperlukan sesuai dengan tugasan b) menyusun idea mengikut urutan atau keutamaan	a) memilih maklumat dan membuat perubahan sesuai dengan tugasan b) menyusun idea mengikut urutan atau keutamaan dengan penerangan dan contoh yang sesuai
4.2 Menghasilkan pelbagai jenis teks dengan menggunakan bahasa yang betul	a) mengembangkan idea utama dan idea sampingan dengan contoh yang sesuai b) menulis teks prosa atau puisi sesuai dengan tugasan	a) mengembangkan idea utama dan idea sampingan dengan penerangan dan contoh yang sesuai b) menulis teks prosa yang kohesi dan koheren sesuai dengan tugasan

5. KEMAHIRAN INTERAKSI LISAN

Bertutur dengan jelas dan lancar bagi tujuan berinteraksi dengan pihak lain sesuai dengan tujuan, khalayak dan konteks dengan menggunakan sebutan baku dan bertatasusila.

MENENGAH 2	MENENGAH 4	
HASIL PEMBELAJARAN UMUM	HASIL PEMBELAJARAN UMUM	
Berinteraksi dengan pihak lain secara jelas tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat dan negara.	Berinteraksi dengan pihak lain secara jelas dan lancar tentang topik-topik yang berkaitan dengan peribadi, masyarakat, negara dan serantau.	
HASIL PEMBELAJARAN		HURAIAN HASIL PEMBELAJARAN
MENENGAH 2	MENENGAH 4	
5.1 Berbual tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan kehidupan harian dengan menggunakan bahasa yang betul	a) berbual tentang perkara yang berkaitan dengan kehidupan harian dan mengaitkannya dengan pengalaman peribadi	a) berbual tentang perkara yang berkaitan dengan kehidupan harian dan memberikan pandangan peribadi dengan lancar
5.2 Bersoal jawab tentang sesuatu perkara dengan menggunakan bahasa yang betul	a) mengajukan pelbagai soalan mengikut keutamaan untuk mendapatkan penerangan sesuai dengan tugasan b) bersoal jawab tentang sesuatu perkara dan memberikan respons yang wajar	a) mengajukan pelbagai soalan untuk mengumpulkan maklumat yang diperlukan sesuai dengan tugasan b) bersoal jawab tentang sesuatu perkara mengikut keutamaan dan memberikan respons yang wajar

